

01/06/1997

Asean 10 bulan depan

KUALA LUMPUR: Asean sepakat menerima kemasukan Kemboja, Laos dan Myanmar serentak pada Julai ini bagi merealisasikan Gagasan Asean 10, lima bulan lebih awal berbanding sasaran sebelum ini pada Disember ini.

Kesepakatan itu yang dicapai dalam mesyuarat khas Menteri-menteri Luar Asean di sini semalam, sekali gus menolak spekulasi sesetengah pihak kononnya kemasukan tiga negara itu akan ditangguhkan berikutan tekanan Amerika Syarikat dan Eropah yang mahu penyertaan Myanmar dipertimbangkan semula.

Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, yang mempengerusikan mesyuarat itu berkata, keputusan itu muktamad dan tidak akan ditarik balik.

Ini bermakna Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Asean di sini pada 24 dan 25 Julai ini buat kali pertama akan menyaksikan penyatuan semua 10 negara Asia Tenggara dalam gagasan berkenaan.

Pada masa ini, Asean dianggotai Malaysia, Indonesia, Filipina, Thailand, Singapura, Brunei Darussalam dan Vietnam, manakala Kemboja, Laos dan Myanmar diberi status pemerhati.

Abdullah berkata, keputusan menerima Kemboja, Laos dan Myanmar menyertai gagasan itu pada Julai ini dibuat selepas mengambil kira semua faktor termasuk keadaan politik di ketiga-tiga negara itu dan desakan Barat supaya Asean menangguhkan kemasukan Myanmar.

"Kita tidak nampak sebarang perubahan yang akan berlaku dalam politik Myanmar meskipun kemasukannya ditangguhkan.

"Oleh itu, kita berpendapat lebih baik Myanmar berada dalam Asean bagi membolehkan Asean meneruskan pendekatan membina dalam hubungan dengan negara itu dengan lebih berkesan lagi," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat kira-kira tiga jam itu.

Mesyuarat itu dihadiri semua Menteri Luar Asean, kecuali Brunei diwakili Duta Puteri Masna. Abdullah turut mengadakan pertemuan dengan duta Kemboja, Myanmar dan Laos di negara ini selepas mesyuarat itu yang mendapat perhatian lebih 70 wartawan termasuk media asing.

Awal bulan ini, Amerika Syarikat, negara paling lantang menentang kemasukan Myanmar ke dalam Asean, mengenakan sekatan terhadap negara itu kerana mendakwa pemerintahnya menyekat kebebasan hak asasi manusia dan menekan gerakan prodemokrasi di bawah pimpinan Aung San Suu Kyi.

Bagaimanapun, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tetap mempertahankan kemasukan ketiga-tiga negara itu ke dalam Asean selewat-lewatnya pada Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Asean di sini, Disember ini.

Dalam mesyuarat Menteri Luar Asean-Kesatuan Eropah (EU) di Singapura Februari lalu, EU turut mendesak Asean menangguhkan kemasukan Myanmar.

Namun, Asean tetap mempertahankan pendiriannya dan yakin mampu memperbaiki keadaan di Myanmar menerusi pendekatan hubungan membina.

Abdullah berkata, kemasukan ketiga-tiga negara itu ke dalam Asean amat penting bagi mengukuhkan kestabilan di rantau Asia Tenggara.

Menurut beliau, ini juga membolehkan Asean membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi ketiga-tiga negara itu.

"Kami sedar kedudukan ekonomi Myanmar, Laos dan Kemboja masih agak ketinggalan berbanding negara Asean lain.

"Dengan menyertai Asean, semua negara anggota boleh bekerjasama dengan lebih erat bagi meraih faedah bersama dalam bidang ekonomi dan pembangunan," katanya. Abdullah berkata, beliau akan melawat ketiga-tiga

negara itu untuk menyampaikan keputusan Asean itu secara rasmi.

Mengenai Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Asean Disember ini, Abdullah berkata, pemimpin China, Jepun dan Korea Selatan juga dijemput menghadiri sidang itu.

Menurutnya, ini kerana ketiga-tiga negara itu turut menyertai projek pembangunan Lembangan Mekong dan pembinaan kereta api merentas Asia.

(END)